



TEKS UCAPAN

**YANG BERHORMAT DATUK SERI DR. RONALD
KIANDÉE
MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN**

SEMPENA

**MAJLIS PERASMIAN AGROCORNER AGROBANK TELUPID,
SABAH**

PADA

27 MEI 2022 (JUMAAT)

BERTEMPAT DI

AGROCORNER AGROBANK TELUPID, SABAH

Salam Sejahtera

Salam Keluarga Malaysia

dan Salam Sabah Maju Jaya

YB TUAN SAMAD JAMBRI

Pembantu Menteri Pembangunan Luar Bandar Negeri Sabah
merangkap ADUN Labuk

YBHG. DATUK BADRUL HISHAM MOHD

Timbalan Ketua Setiausaha(Pembangunan)
Kementerian Pertanian & Industri Makanan (MAFI)

YBHG. DATUK MD AFENDI BIN DATUK HAMDAN

Ahli Lembaga Pengarah Agrobank

YM TENGKU AHMAD BADLI SHAH RAJA HUSSIN

Presiden/ Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank

YBRS. TUAN ROGER APPOLONIUS

Pegawai Daerah Beluran

YBRS. TUAN CELESTINE JETONY

Pegawai Daerah Telupid

YBRS. TUAN HJ. FAUZI HJ. NORBEH

Pegawai Daerah Tongod

Pihak Pengurusan Tertinggi Agrobank

Wakil Jabatan dan Agensi

Rakan-rakan media

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian

Hadirin dan Hadirat sekalian,

PENDAHULUAN

1. Pertamanya, saya menzahirkan rasa kesyukuran kerana kita dapat bersama-sama berkumpul pada pagi ini bagi meraikan **Majlis Perasmian Agrocorner di Telupid, Sabah**.
2. Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih saya kepada pihak Agrobank kerana telah menjemput saya pada hari yang cukup bermakna ini, di mana kita sama-sama membantu **menyediakan kemudahan dan perkhidmatan rangkuman kewangan buat penduduk di daerah Telupid**.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,

3. Beberapa bulan yang lalu, saya berada di Pekan Beluran untuk merasmikan cawangan Agrobank yang ke-139. Hari ini, kita berada di sini untuk merasmikan cawangan Agrobank yang ke-140.
4. Usaha ini adalah sangat istimewa di hati saya kerana menerusi usaha strategik yang berterusan demi pembangunan golongan *unserved* dan *under-served*. Menerusi **Agrocorner ini, diharapkan agar kegiatan ekonomi penduduk juga dapat dipertingkatkan terutamanya melalui kemudahan pembiayaan yang holistik dan mampan**.
5. Telupid adalah sebuah daerah yang sangat sinonim dengan sektor pertanian seperti tanaman sayur-sayuran, penternakan serta perladangan komoditi kelapa sawit dan getah yang penting.
6. Daerah ini terletak **232 kilometer** dari Kota Kinabalu dan **130 kilometer** dari Sandakan. Saya memahami permasalahan yang dihadapi penduduk di kawasan ini yang memerlukan perkhidmatan perbankan bagi urusan harian.
7. Hari ini, kehendak ini dapat kita realisasikan. Kita akan saksikan pembukaan **sebuah lagi cawangan, Agrocorner Telupid yang sememangnya tepat pada masanya**. Menjadi harapan saya supaya kerjasama strategik bersama Agrobank ini terus diperkukuh pada masa akan datang.
8. Untuk rekod, **dari Januari hingga April 2022 sahaja, sejumlah 127 juta ringgit kelulusan pembiayaan Agrobank telah dicatatkan di Sabah**. Daripada jumlah itu, **2.5 juta ringgit pembiayaan** terkumpul telah dicatatkan di Kawasan Beluran.
9. Saya berharap agar kegiatan ekonomi penduduk juga dapat terus dipertingkatkan terutamanya **melalui kemudahan pembiayaan yang khusus untuk komuniti agromakanan dan juga peniaga-peniaga di Telupid dan kawasan-kawasan berdekatan**.

Hadirin sekalian,

10. Ingin saya kongsi di sini bahawa Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) telah menyediakan **pelbagai bentuk bantuan dan insentif kepada orang ramai yang berminat untuk menjadi usahawan agro dan memajukan perniagaan berasaskan pertanian dan industri makanan**. Ini merupakan antara usaha berterusan Kementerian bagi meningkatkan tahap sara diri (SSL) seterusnya meningkatkan kestabilan jaminan bekalan makanan negara.
11. Strategi-strategi di bawah Dasar Agromakanan Negara 2.0 (DAN 2.0) juga sedang giat dilaksanakan dalam usaha memperkasa sistem makanan negara agar **kekal berdaya tahan dalam mengharungi sebarang krisis masa kini dan di masa hadapan**.
12. MAFI akan terus berusaha untuk memastikan **kebimbangan Keluarga Malaysia tentang bekalan makanan ditangani secara menyeluruh** menerusi usaha yang dijalankan oleh Jabatan dan Agensi di bawah MAFI.
13. Selain daripada itu, saya juga ingin menyeru agar lebih ramai lagi usahawan khususnya **belia melibatkan diri dalam sektor agromakanan agar usaha berterusan sekuriti makanan ini dapat kita tingkatkan**.
14. Bagi usahawan-usahawan Agro di Telupid, manfaatkanlah kemudahan pembiayaan yang ditawarkan Agrobank bagi membantu mengembangkan perniagaan masing-masing.
15. Antara perkhidmatan yang disediakan kepada pengguna Agrobank di Telupid adalah **perkhidmatan asas perbankan serta urusan pembiayaan**. Agrobank turut menyediakan **perkhidmatan konsultasi pembiayaan kepada mana-mana usahawan bagi membantu mereka mengembangkan lagi perniagaan**.
16. Saya dimaklumkan, Agrobank ada menawarkan pelbagai skim pembiayaan khas seperti **Program Pembiayaan Mikro Agro Nisaa'-i** untuk menggalakkan lebih ramai agropreneur wanita dan **Program Pembiayaan Agro Teras** bagi membantu usahawan mikro yang tergolong dalam kumpulan B40 untuk mendapatkan pembiayaan kewangan khusus bagi membangunkan perniagaan berasaskan pertanian dan industri makanan.
17. Dalam hal ini, saya amat menggalakkan agar penduduk Telupid mengambil peluang ini dan berkunjung ke Agrobank Telupid bagi **mendapatkan maklumat lanjut berkaitan produk-produk dan perkhidmatan yang disediakan daripada Agrobank**.
18. Saya yakin melalui perkhidmatan yang ditawarkan oleh Agrobank, para usahawan Agro akan dapat meningkatkan **kualiti pertanian dan mempertingkatkan produktiviti masing-masing termasuk menerusi teknologi dan inovasi pertanian**.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,

19. Pada hari ini juga, kita akan menyaksikan penyampaian **surat tawaran pembiayaan yang telah diluluskan kepada pelanggan Agrobank di sekitar Telupid yang akan diberikan kepada 89 Supersave Mini Market.** Mereka akan menerima pembiayaan Keluarga Malaysia *Guarantee Government Scheme*.
20. Sesungguhnya, saya amat berbangga dengan sambutan yang ditunjukkan oleh penduduk Telupid atas pembukaan Agrocorner Telupid ini. Saya dimaklumkan, Agrocorner Telupid yang baharu sahaja dibuka sejak dua minggu yang lalu telah mencatatkan **pembukaan akaun baharu sebanyak 159 akaun!**
21. Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada penduduk Telupid di atas komitmen dan sambutan yang begitu memberangsangkan ini!
22. Dikesempatan ini, sekali lagi saya menzahirkan setinggi-tinggi penghargaan dan syabas kepada Agrobank di atas usaha berterusan mereka untuk **membantu komuniti luar bandar menerusi rangkaian perkhidmatan perbankan yang diberikan.**
23. Saya difahamkan Agrobank akan melancarkan dalam masa terdekat *mobile bank* di kawasan daerah lain di Sabah untuk memberi perkhidmatan secara mobile kepada penduduk-penduduk luar bandar yang tidak mempunyai perkhidmatan perbankan di daerah mereka. Ini usaha berterusan Agrobank untuk menyantuni rakyat di luar bandar agar mereka juga turut diberi kesempatan kemudahan perbankan seperti warga lain di kota.
24. Terima kasih juga diucapkan kepada semua yang telah terlibat menjayakan majlis ini dan yang hadir untuk menyaksikan perasmian pembukaan Agrocorner Telupid.
25. Dengan kata-kata demikian ini, saya dengan **sukacitanya merasmikan Pembukaan Agrocorner Agrobank Telupid.**

Sekian, terima kasih.